



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

# **GARIS PANDUAN PERMOHONAN LESEN ALAT TIMBANG DAN SUKAT**

**DI BAWAH  
AKTA TIMBANG DAN SUKAT 1972**

**VERSI PENGGUNA**

# **GARIS PANDUAN MEMPROSES PERMOHONAN BERKAITAN LESEN MEMBUAT, MEMBAIKI & MENJUAL (PBJ), LESEN MEMBAIKI & MENJUAL (BJ) DAN LESEN MENJUAL (J) ALAT TIMBANG DAN SUKAT**

## **1. OBJEKTIF**

Garis panduan ini bertujuan menerangkan prosedur bagi permohonan:-

- a. **Baru;**
- b. **Pembaharuan;**
- c. **Pembatalan;**
- d. **Salinan; dan**
- e. **Pindaan:-**
  - ✓ **Pengurangan / penambahan jenis alat;**
  - ✓ **Pertukaran ahli lembaga pengarah / pemilik perniagaan (penama di dalam lesen);**
  - ✓ **Pertukaran alamat bengkel / premis perniagaan / syarikat;**
  - ✓ **Pertukaran nama syarikat; dan**
  - ✓ **Pertukaran nama perniagaan milikan tunggal / perkongsian.**

bagi Lesen Membuat, Membaiki & Menjual (PBJ), Lesen Membaiki & Menjual (BJ) Dan Lesen Menjual (J) Alat Timbang Dan Sukat.

.

## **2. PUNCA KUASA**

- a. Akta Timbang dan Sukat 1972; dan
- b. Peraturan – Peraturan Timbang dan Sukat 1981.

## **3. TERMINOLOGI**

- a. **Alat – alat timbang dan sukat :**

Merupakan alat – alat yang diisytiharkan oleh penyimpan yang digunakan bagi tujuan "kegunaan untuk perdagangan". Alat – alat timbang dan sukat

yang termaktub dalam Peraturan 17, Peraturan – Peraturan Timbang dan Sukat 1981, Akta Timbang dan Sukat 1972 adalah seperti berikut:

<b>BIL.</b>	<b>ALAT – ALAT TIMBANG DAN SUKAT</b>
1.	Sukat Linar
2.	Sukat Isipadu Cecair
3.	Timbang
4.	Skel Beam
5.	Neraca
6.	Mesin Kaunter
7.	Neraca Spring dan Skel
8.	Mesin Berat Tetap
9.	Mesin Penimbang Pelantar
10.	Mesin Penimbang Kenderaan
11.	Mesin Penimbang Kren
12.	Mesin Penimbang Automatik
13.	Alat untuk Sukat Bahan Api Cecair dan Pelincir
14.	Dispenser Gas Petroleum Cecair
15.	Meter Letak Kereta dan Perakam Waktu
16.	Alat untuk Menyukat Minuman Keras
17.	Apa – apa alat lain bagi Timbang dan Sukat yang dari semasa ke semasa diluluskan oleh Penyimpan

**b. Kegunaan untuk perdagangan**

Seksyen 11(1) Bagi maksud akta ini, ungkapan perbahasan “kegunaan untuk perdagangan” tertakluk kepada seksyen kecil (2), ertinya kegunaan dalam Malaysia berhubung dengan, atau dengan tujuan untuk sesuatu urusan bagi:

- (a) Memindah milik atau memberi wang atau nilai wang sebagai balasan bagi wang atau nilai wang;
- (b) Membuat sesuatu bayaran berkenaan dengan apa-apa tol atau duit; atau
- (c) Membuat sesuatu bayaran berkenaan dengan apa-apa kerja yang dibuat, atau perkhidmatan yang diberikan, atau bagi maksud menentukan upah-upah yang kena dibayar.

Seksyen 11(2) Seksyen kecil di atas tidaklah dipakai jika penentuan atau kenyataan itu adalah suatu penentuan atau kenyataan mengenai kuantiti barang yang dikehendaki dihantar ke sesuatu tempat di luar Malaysia dan urusan itu bukan suatu penjualan secara runcit.

Seksyen 11(3) Mana-mana alat timbang dan sukat yang diadakan di Malaysia untuk kegunaan awam sama ada dengan dikenakan bayaran atau selainnya hendaklah dianggap bagi maksud bahagian ini sebagai alat timbang atau sukat bagi kegunaan perdagangan, sama ada atau tidak alat itu dianggap sedemikian jika tidak kerana seksyen kecil ini.

**c. Lesen**

- i. Peraturan 30. (1) Tiada seorang juaupun boleh melibatkan diri dalam membuat, membaiki dan menjual timbang, sukat atau alat timbang atau sukat, sama ada bagi mendapatkan keuntungan atau tidak, melainkan jika ia dilesen bagi maksud tersebut oleh Ketua Inspektor.

✓ **Lesen Membuat, Membaiki & Menjual (PBJ)**

Lesen yang dikeluarkan kepada individu/syarikat yang ingin menjalankan aktiviti membuat, membaiki atau menjual timbang, sukat atau alat timbang atau sukat atau ketiga-tiganya.

✓ **Lesen Membaiki & Menjual (BJ)**

Lesen yang dikeluarkan kepada individu/syarikat yang ingin menjalankan aktiviti membaiki atau menjual timbang, sukat atau alat timbang atau sukat atau keduanya.

✓ **Lesen Menjual (J)**

Lesen yang dikeluarkan kepada individu/syarikat yang ingin menjalankan aktiviti menjual timbang, sukat atau alat timbang atau sukat.

- ii. Peraturan 30. (2) Sesuatu lesen hendaklah dikeluarkan atas **nama pemohon** yang bukannya suatu syarikat dan jika suatu syarikat, lesen itu hendaklah dikeluarkan atas **nama pengerusi atau seseorang pengarah syarikat**.
- iii. Peraturan 30. (4) Alamat premis-premis di mana seseorang yang dilesen di bawah Peraturan-peraturan ini menjalankan urusannya sebagai seorang penjual, pembaik atau pembuat, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah didaftarkan dengan Ketua Inspektor.
- iv. Peraturan 30. (5) Satu lesen dikeluarkan **HANYA untuk setiap premis/bengkel perniagaan**. Sekiranya pemohon mempunyai banyak premis perniagaan, permohonan perlu dibuat KPDNKK Ibu Pejabat, KPDNKK Negeri atau KPDNKK Cawangan di mana premis perniagaan itu beroperasi.

#### 4. PIAGAM PELANGGAN

BIL.	JENIS PERMOHONAN	PIAGAM
i.	Baru	Memaklumkan keputusan kepada pemohon 7 hari selepas permohonan lengkap diterima
ii.	Pembaharuan	Memaklumkan keputusan kepada pemohon 7 hari selepas permohonan lengkap diterima
iii.	Pindaan Jenis Alat	Memaklumkan keputusan kepada pemohon 7 hari selepas permohonan lengkap diterima
iv.	Pertukaran Bengkel / Alamat Premis Perniagaan / Syarikat	Memaklumkan keputusan kepada pemohon 7 hari selepas permohonan lengkap diterima
v.	Pertukaran Nama Syarikat	Memaklumkan keputusan kepada pemohon 5 hari selepas permohonan lengkap diterima.
vi.	Pertukaran Nama Perniagaan Milikan Tunggal/Perkongsian	Memaklumkan keputusan kepada pemohon 5 hari selepas permohonan lengkap diterima.
vii.	Pertukaran Ahli Lembaga Pengarah / Pemilik Perniagaan (penama di dalam lesen)	Memaklumkan keputusan kepada pemohon 5 hari selepas permohonan lengkap diterima.
viii.	Salinan	Memaklumkan keputusan kepada pemohon 5 hari selepas permohonan lengkap diterima.
ix.	Pembatalan	Memaklumkan keputusan kepada pemohon 5 hari selepas permohonan lengkap diterima.

## 5. **BORANG PERMOHONAN**

Permohonan bagi pelesenan alat – alat timbang dan sukat hendaklah dibuat secara atas talian secara berperingkat menggunakan ***Business Licensing Support System (BLESS) 2.0*** bagi permohonan berikut:-

- i. **Baru;**
- ii. **Pembaharuan;**
- iii. **Pembatalan;**
- iv. **Salinan; dan**
- v. **Pindaan;**
  - ✓ **Penambahan/Pengurangan Jenis Alat Timbang dan Sukat;**
  - ✓ **Pertukaran Alamat Premis Perniagaan/Bengkel/Syarikat.**
  - ✓ **Pertukaran Nama Syarikat**
  - ✓ **Pertukaran Nama Perniagaan Milikan Tunggal/Perkongsian;**  
**dan**
  - ✓ **Pertukaran Ahli Lembaga Pengarah / Pemilik Perniagaan (penama di dalam lesen).**

## 6. KEPERLUAN PERMOHONAN

JENIS PERMOHONAN	DOKUMEN
<b>Baru</b>	i. Salinan Kad Pengenalan pemohon ii. Dokumen pendaftaran perniagaan (bagi Sabah dan Sarawak sahaja) <u>Syarikat Milikan Tunggal/Perkongsian (Sarawak)</u> <i>Salinan Borang 1 beserta maklumat pemilik yang terkini.</i> <u>Syarikat Milikan Tunggal/Perkongsian (Sabah)</u> <i>Salinan Borang B beserta maklumat pemilik yang terkini.</i>
<b>Pembaharuan</b>	i. Salinan Lesen <i>(lesen asal hendaklah dikemukakan semasa mengambil lesen yang telah diperbaharui)</i> ii. Dokumen pendaftaran perniagaan (bagi Sabah dan Sarawak sahaja) <u>Syarikat Milikan Tunggal/Perkongsian (Sarawak)</u> <i>Salinan Borang 1 beserta maklumat pemilik yang terkini.</i> <u>Syarikat Milikan Tunggal/Perkongsian (Sabah)</u> <i>Salinan Borang B beserta maklumat pemilik yang terkini.</i> iii. Salinan Jadual Maklumat Juruteknik/Pekerja Yang Melakukan Kerja Pembaikan/Servis
<b>Pertukaran Ahli Lembaga Pengarah / Pemilik (Penama Di Dalam Lesen)</b>	Salinan Lesen <i>(lesen asal hendaklah dikemukakan semasa mengambil lesen yang telah dipinda)</i>
<b>Pertukaran Alamat Premis Perniagaan / Bengkel / Syarikat</b>	
<b>Pertukaran Nama Syarikat</b>	
<b>Pertukaran Nama Perniagaan Milikan Tunggal / Perkongsian</b>	
<b>Pindaan Jenis Alat Timbang Dan Sukat</b>	
<b>Pembatalan</b>	Lesen Asal <i>(dikemukakan secara pos atau penyerahan tangan ke KPDNKK <b>yang berkenaan</b> setelah membuat permohonan di dalam sistem BLESS)</i>
<b>Salinan</b>	Tidak berkenaan

## 7. FI LESEN

BIL	JENIS LESEN	FI SETAHUN
1.	Lesen Membuat, Membaiki & Menjual (PBJ)	RM 200.00
2.	Lesen Membaiki & Menjual (BJ)	RM 100.00
3.	Lesen Menjual (J)	RM 50.00
4.	Salinan Lesen	RM 2.00

*Nota : Kadar fi lesen adalah ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan Timbang dan Sukat 1981, Peraturan 40(1), Jadual 10, Bahagian VIII*

## 8. BAYARAN LESEN

Pembayaran fi lesen boleh dibuat dengan menggunakan wang pos, kiriman wang atau bank draf atas nama “**Ketua Inspektor Timbang Sukat**”. Bayaran melalui **cek/ tunai tidak diterima**.

## 9. PENGELUARAN LESEN

- a. Lesen akan **dicetak / dikeluarkan setelah menerima bayaran** daripada pemohon.

## 10. TEMPOH LESEN

**Kelulusan** Lesen Membuat, Membaiki & Menjual (PBJ), Lesen Membaiki & Menjual (BJ) Dan Lesen Menjual (J) Alat Timbang dan Sukat adalah **tidak boleh melebihi tempoh 5 tahun**.



## 11. SERAHAN LESEN

### a. Serahan melalui **kaunter**

Wakil syarikat/perniagaan perlu **mengemukakan surat perwakilan kuasa (*letterhead* syarikat/perniagaan)** sekiranya pemohon **menghantar wakil** untuk mengambil Lesen Membuat, Membaiki & Menjual (PBJ), Lesen Membaiki & Menjual (BJ) Dan Lesen Menjual (J) Alat Timbang dan Sukat.

Bagi permohonan yang diterima di KPDNHEP Cawangan, **Ketua Cawangan akan menerima *softcopy* lesen** yang telah diluluskan melalui emel daripada KPDHEP Negeri **untuk dicetak dan diserahkan** kepada pemohon **dengan serahan tangan.**

### b. Serahan melalui **pos**

**Tiada** serahan melalui pos.

## PERTANYAAN

Pertanyaan lanjut berkaitan dengan permohonan lesen timbang dan sukat hendaklah dikemukakan kepada :

**Unit Timbang dan Sukat  
Sekretariat Perdagangan Pengedaran & Industri Perkhidmatan  
Sektor Perdagangan Pengedaran dan Perniagaan, Aras 4 (Podium 1),  
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri  
dan Hal Ehwal Pengguna  
No. 13, Persiaran Perdana, Presint 2  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62623 Putrajaya, Malaysia**

**No. Telefon : 03-8882 6858/5938/5705**